



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PAHANG CONSOLIDATED COMPANY LIMITED
DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN DI
PAHANG BARAT, 1886 – 1957



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PAHANG CONSOLIDATED COMPANY LIMITED DALAM KEGIATAN
PERLOMBONGAN DI PAHANG BARAT, 1886 - 1957**

NOR HIDAYAH BINTI DZUL-KIFLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELDIKAN)**

**FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

	/	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 1. (hari bulan) 06.(bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOR HIDAYAH BINTI DZUL-KIFLI / M20181001195/ FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PAHANG CONSOLIDATED COMPANY LIMITED DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN DI PAHANG BARAT, 1886-1957 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya PROFESOR MADYA DR KHARI BIN ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PAHANG CONSOLIDATED COMPANY LIMITED DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN DI PAHANG BARAT, 1886-1957 (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

1/6/2021

Tarikh

KHARI

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: : PAHANG CONSOLIDATED COMPANY LIMITED DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN DI PAHANG BARAT, 1886-1957

No. Matrik /Matic's No.: M20181001195

Saya : NOR HIDAYAH BINTI DZUL-KIFLI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

.....
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

KHAMRI

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 01/06/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Sekalung penghargaan saya hulurkan buat Prof. Madya Dr. Khairi bin Ariffin, pensyarah Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana banyak menyumbang kepada idea dan kandungan konseptual dalam pembahagian setiap bab untuk tesis saya. Seterusnya, jutaan terima kasih juga atas segala nasihat dan teguran yang diberikan akan sentiasa dijadikan panduan pada hari mendatang. Di samping itu, jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membenarkan saya untuk mendapatkan bahan mengenai kajian yang saya jalankan iaitu pihak Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Zaaba di Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negeri Pahang dan Muzium Sungai Lembing yang membenarkan saya untuk mendapatkan bahan bagi tujuan rujukan.

Jutaan penghargaan ini juga layak diberikan buat insan tersayang yang berada di sebalik tabir penghasilan instrumen rasmi ini khasnya buat ibu bapa saya iaitu Dzul-Kifli bin Muda dan Normawati binti Mat Amin, adik-beradik saya juga yang sentiasa memberikan semangat moral perjuangan yang berterusan sehingga terhasilnya satu ujian kognitif yang sah dan boleh percaya. Tidak lupa juga buat kawan-kawan rapat saya iaitu Hawa Fatihah, Basri, Adib, Akak Fadzliana, Sarah, Hanani, Cynthia Bibie, Amira, Akak Vennyssa, Azanuddin, Alif Furqan yang sentiasa bersama-sama saya atas sokongan dan turut membantu saya bagi menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini diucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga.





ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan *Pahang Consolidated Company Limited* dalam kegiatan perlombongan di Pahang Barat dari tahun 1886 sehingga 1957. *Pahang Consolidated Company Limited* mendapat hak monopoli dalam kegiatan perlombongan di kawasan Pahang Barat. Kekayaan bijih timah berjaya menarik minat pihak luar iaitu orang Barat dan dianugerahkan keistimewaan konsesi tanah perlombongan oleh Sultan Ahmad Muadzam Shah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen analisis dokumen dan manuskrip seperti *Federated Malay States (FMS)*, *High Commissioner Office (HCO)*, *Colonel Office (CO)*, *Annual Report* dan fail-fail Setiausaha Kerajaan (SUK) dari Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negeri Pahang. Dapatan kajian menunjukkan British menerusi *Pahang Consolidated Company Limited* telah membuat perubahan dalam aktiviti perlombongan yang dijalankan di Sungai Lembing di samping membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat di Pahang. Penglibatan orang Barat dalam membangunkan aktiviti perlombongan di Pahang mewujudkan satu transformasi dalam sistem pentadbiran malah menyumbang kepada pelbagai pembaharuan dalam struktur pembangunan seperti kewujudan klinik yang membantu memberi rawatan untuk penduduk tempatan. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan faktor kepemimpinan amat penting dalam membangunkan sebuah syarikat perlombongan di Sungai Lembing membantu negeri Pahang mengatasi masalah kewangan mereka dengan menarik lebih ramai pedagang dari luar untuk ke Pahang sehingga berlakunya pertambahan penduduk. Pertambahan penduduk menjadikan proses urus niaga berjalan dengan lancar mewujudkan kuasa membeli dalam kalangan masyarakat tempatan. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa *Pahang Consolidated Company Limited* telah meningkatkan ekonomi di Pahang menerusi kegiatan perlombongan bijih timah.





PAHANG CONCOLIDATED COMPANY LIMITED IN MINING ACTIVITIES IN WEST PAHANG, 1886 – 1957

ABSTRACT

The study focuses on the involvement of Pahang Consolidated Company Limited in mining activities in the West Pahang from 1886 to 1957. The Pahang Consolidated Company Limited obtained monopoly rights in mining activities in the West Pahang. The wealth of tin has succeeded in attracting the outsiders, mainly the Westeners and was awarded the privilege of mining land concession by Sultan Ahmad Muadzam Shah. This study uses qualitative methods through document and manuscript analysis instruments such as Federated Malay States (FMS), High Commissioner Office (HCO), Colonel Office (CO), Annual Report and State Secretary (SUK) files retrieved from the Arkib Negara Malaysia and the Arkib Negeri Pahang. The findings of the study show that the British through Pahang Consolidated Pahang has made changes in mining activities carried out in Sungai Lembing and opened employment opportunities to the community in Pahang. The involvement of Westeners in developing mining activities in Pahang has created a transformation in the administrative system and even contributed to various reforms in the development structure such as the existence of clinics that help provide treatment for locals. In addition, the findings of this study also show that the leadership factor is very important in managing a mining company, particularly in the process of operating the company. Mining activities in Sungai Lembing helped the state of Pahang to overcome their financial problems by attracting more traders from outside to Pahang until there was an increase in population. The increase in population makes the transaction process run smoothly and creates purchasing power among the local community. Overall, this study proves that Pahang Consolidated Company Limited has improved the economy in Pahang through tin mining activities.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Penyataan Masalah	7
1.2 Objektif Kajian	9
1.3 Soalan Kajian	9
1.4 Skop Kajian	10
1.5 Metodologi Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Sorotan Kajian Lepas	14
1.8 Definisi/Istilah	21
1.9 Pembahagian Bab	22
1.10 Kesimpulan	24



**BAB 2 LATAR BELAKANG SEJARAH KAWASAN PAHANG BARAT**

2.0	Pendahuluan	26
2.1	Latar belakang Pahang Barat dalam Aktiviti Perlombongan	31
2.1.1	Sebab-sebab Pegawai British campur tangan di Pahang	35
2.2	Komposisi Penduduk	39
2.3	Ekonomi di Pahang Barat	42
2.3.1	Perlombongan Emas oleh orang Melayu dan Cina	44
2.4	Susun atur pentadbiran di Pahang sebelum kedatangan British	49
2.4.1	Kemasukan Residen di Pahang	52
2.5	Kesimpulan	58

**BAB 3 KEGIATAN PERLOMBONGAN DI PAHANG BARAT SEHINGGA TAHUN 1957**

3.0	Pendahuluan	59
3.1	Konsesi Perlombongan	61
3.2	Tanah Perlombongan Bijih Timah	68
3.3	Undang-undang Tanah di Pahang	73
3.3.1	Sistem Torrens	74
3.3.2	Pelaksanaan Undang-undang Perlombongan di Pahang	76
3.4	Penglibatan Kegiatan Perlombongan di Pahang Barat	77
3.4.1	Penubuhan Syarikat Lombong Emas Australia Raub	78





3.4.2	Perkembangan Syarikat Lombong Emas Australia Raub	82
3.4.3	Pengeluaran Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub	100
3.4.3.1	Pengeluaran emas sebelum Perang Dunia ke-II (1915-1939)	103
3.4.3.2	Pengeluaran emas selepas Pendudukan Jepun (1945-1957)	106
3.4.4	Penutupan Syarikat Lombong Emas Australia Raub	113
3.5	Penubuhan Syarikat Lombong Emas Selinsing	117
3.5.1	Sejarah sebelum pentadbiran British di Pahang, 1888	117
3.5.2	Perkembangan Lombong Emas Selinsing selepas tahun 1937	119
3.6	Kesimpulan	120



BAB 4 PENGLIBATAN PAHANG CONSOLIDATED COMPANY LIMITED TERHADAP KEGIATAN PERLOMBONGAN DI SUNGAI LEMBING

4.0	Pengenalan	121
4.1	Latar Belakang <i>Pahang Consolidated Company Limited</i> (PCCL)	122
4.2	Sejarah Pembangunan Konsesi Perlombongan PCCL	127
4.3	Sistem Pentadbiran <i>Pahang Consolidated Company Limited</i>	132
4.3.1	Penubuhan Awal <i>Pahang Consolidated Company Limited</i>	136
4.3.1.1	Pengurusan William Fraser di PCCL	136





4.3.1.2 Pengurusan James Hosking di PCCL	143
4.3.1.3 Pembaharuan Sistem Pengurusan dari Australia di PCCL	146
4.4 Geologi Kawasan Perlombongan di PCCL	149
4.4.1 Jenis-jenis Lombong Bawah Tanah di PCCL	151
4.4.1.1 Lombong Willinks	153
4.4.1.2 Lombong Myah	156
4.4.1.3 Lombong Gakak	158
4.5 Kaedah Perlombongan yang dijalankan di PCCL	159
4.6 Kesimpulan	169

BAB 5 ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH SYARIKAT DI SUNGAI LEMBING TERHADAP KEGIATAN PERLOMBONGAN

5.0 Pengenalan	171
5.1 Konflik antara Sultan dengan Sistem Pentadbiran	172
5.2 Sistem Pentadbiran Buruh	176
5.2.1 Sistem Pembayaran Gaji Pekerja di <i>Pahang Consolidated Company Limited</i>	177
5.2.2 Sistem Waktu Bekerja di <i>Pahang Consolidated Company Limited</i>	184
5.2.3 Sistem Kesihatan dan Keselamatan Buruh	186
5.3 Bencana Alam	195
5.3.1 Gangguan kepada keadaan tropika di Sungai Lembing	195
5.3.2 Tanah Runtuh	199
5.5 Ancaman Komunis 1950-an	206





5.6	Kemajuan semasa pembangunan <i>Pahang Consolidated Company Limited</i>	204
5.6.1	Hospital	205
5.6.2	Rumah Kongsi	207
5.6.3	Sekolah	208
5.6.4	Deretan Kedai	208
5.6.5	Kompleks Sukan	208
5.7	Kepentingan Aktiviti Perlombongan	209
5.7.1	Pengeluaran Sumber Galian – Timah sebagai satu produk	211
5.8	Kesimpulan	219

BAB 6 RUMUSAN

221

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Data Penduduk di Pahang pada tahun 1892	39
2.2 Populasi penduduk mengikut daerah pada tahun 1891	40
2.3 Struktur Politik Tradisional di Pahang	51
2.4 Pegawai British di setiap daerah	56
3.1 Jumlah Pengeluaran Emas dari tahun 1893 sehingga 1914	100
3.2 Eksport Pahang berbanding NNMB dalam tahun 1909	102
3.3 Pengeluaran Emas R.A.G.M, 1915-1939	104
3.4 Pengeluaran Emas di Pahang, 1940-1945	105
3.5 Pengeluaran Emas di Pahang, 1950-1957	112
4.1 Pekerja Eropah di <i>Pahang Consolidated Company Limited</i>	134
4.2 Bilangan Jumlah Timah yang dikeluarkan pada tahun 1913	152
4.3 Ciri-ciri Lombong Willinks	153
4.4 Bilangan jumlah timah yang dikeluarkan oleh Lombong Willinks	155
4.5 Ciri-ciri Lombong Myah	157
4.6 Ciri-ciri Lombong Gakak	158
5.1 <i>Fatalities by Causes Underground</i>	194
5.2 Perbezaan jumlah penghasilan timah dalam NNMB	214
5.3 Penghasilan timah dalam tan dari tahun 1890 sehingga 1960	215
5.4 Jumlah bijih timah yang dieksport dari Singapura	217





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Peta Pahang Barat	30
5.2 Beg Kanvas bungkusan bijih timah	211
5.3 Timah dibawa untuk proses ke kawasan sungai	212





SINGKATAN

FMS	<i>Federated Malay States</i>
PCC	<i>Pahang Consolidated Corporation</i>
PCCL	<i>Pahang Consolidated Company Limited</i>
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
PSMCP	Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang
NNM	Negeri-negeri Melayu
NNS	Negeri-negeri Selat



EMMCO	<i>Eastern Mining and Metal Company</i>
HCO	<i>High Commissioner Office</i>
RAGM	<i>Raub Australian Gold Mining</i>
PKM	Parti Komunis Malaya

ANFO *Ammonium Nitrate and Fuel Oil*





BAB 1

PENGENALAN



1.0 Pendahuluan

Pada akhir abad ke-19, Pahang telah mengalami pergolakan politik iaitu berlakunya Perang Saudara sehingga menjelaskan perbendaharaan diraja.¹ Tekanan dan desakan yang tinggi dalam bidang ekonomi telah memaksa Sultan Ahmad Muadzam Shah untuk membuka negerinya kepada pelabur-pelabur asing. Sultan Ahmad bertindak membuka Pahang kepada pelabur-pelabur asing yang bertujuan untuk membolehkan British mengenalinya sebagai pemerintah yang bebas.² Hal ini bagi mengelakkan pemerintahan

¹ Aruna Gopinath. (1993). *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 77.

² *Ibid.* Hlm. 76.





British di Pahang, justeru itu Sultan Ahmad mengambil langkah untuk membangunkan negerinya seperti di Johor dengan cara menggalakkan kemasukan pelabur asing.³

Di samping itu, Sultan Ahmad memberikan kawasan-kawasan tanah yang luas kepada orang Eropah dan bangsa lain tanpa mempedulikan ketua-ketua dan rakyatnya⁴ kerana terdapat desakan dan tekanan terhadap baginda bagi mengatasi masalah kewangan yang berpunca daripada masalah politik dalam sistem pemerintahan seperti berlakunya Perang Saudara sehingga perbendaharaan diraja membawa kepada kemufusan.⁵ Oleh itu, pada tahun 1883, Sultan Ahmad telah memberikan sebidang tanah seluas 2,000 batu persegi kepada pelabur Cina, Lim Ah Sam dari Biliton, Ho Ah Yun, Go Sui dan Louis Dekkar dari Batavia untuk membentuk Syarikat Pahang⁶ sebagai

langkah mengelakkan campur tangan British. Dengan membuka peluang yang luas kepada orang luar dari segi ekonomi perlombongan ini, Sultan Ahmad berpendapat bahawa ekonomi akan bertambah maju dan British tidak akan mengambil Pahang sebagai sebuah negeri naungan mereka seperti di Perak, Selangor dan lain-lain supaya bidang kuasa baginda tidak terjejas dalam negeri Pahang.⁷

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.* Hlm. 77.

⁵ *Ibid.*

⁶ Yusoff Hashim, Aruna Gopinath. (1992). *Tradisi Persejarahan Pahang Darul Makmur 1800 – 1930*. Selangor: Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd. Hlm. 301, Untuk mengetahui syarat-syarat perjanjian tersebut lihat C. O. 273/157. (1887). Maskelyne, N. S. kepada Knutsford, laporan, 3 Mei 1887, Hlm. 346-350. Lihat juga No. B.R.O.F. 5/88. (1888) Salinan konsesi Kuantan. Kuantan: Arkib Negeri Pahang.

⁷ Aruna Gopinath. (1993). *Ibid.* Hlm. 76.





Pada mulanya, syarikat tersebut telah berselisih faham dengan seorang Eropah yang bernama William Patterson yang diberi hak oleh Bendahara Wan Kuris untuk melombong di lembah Sungai Kuantan pada tahun 1862. Patterson telah kehilangan pemilikan kawasan tersebut dan masalah ini dapat diselesaikan apabila Patterson setuju untuk menerima saham bernilai 5,000 daripada Syarikat Pahang.⁸ Pada 18 Disember 1889, Koperasi Pahang mengambil alih segala hak syarikat tersebut.⁹ Pada tahun 1920 sehingga 1950, Sungai Lembing menjadi pengeluar bijih timah utama untuk negeri Pahang. Menurut Bandelier dalam *The Gilded Man, El-Dorado¹⁰, Pahang Consolidated Company Limited* digelar sebagai El-Dorado Timur bersempena dengan gelaran yang digunakan di Sepanyol mengenai kekayaan seorang lelaki sehingga menjadikan tanah yang dimiliki turut mewah. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan pernyataan yang dibuat oleh John Silver. Menurut John Silver,



“By the time of Pedro de Ursua’s expedition in 1559, El Dorado had become a golden land rather than a golden man, and the official name of a province. Ursua had lobbied hard for the title of Governor of El Dorado and Omaguas, the latter being the name of the reputedly fierce Indians living in the rich lands then believed to lie to the east of Peru, down the river we now know as the Amazon.”¹¹

⁸ *Ibid.* Hlm. 301.

⁹ C. O. 273/157. (1887). Maskelyne, N. S. kepada Knutsford, laporan, 3 Mei 1887, Hlm. 375. Lihat juga No. B.R.O.F. 1889. (1889). William Fraser kepada Messrs. Rodyk dan Davidson, laporan tentang konsesi Kuantan 1888 – Koperasi Pahang Sendirian Bhd. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

¹⁰ El-Dorado menurut orang Sepanyol ianya adalah satu perkataan yang diletakkan kepada sesuatu lambang kekayaan yang tinggi, dan perkataan lain ialah ‘bersepuh emas’ adalah sebuah lagenda yang bermula dengan cerita tentang seorang ketua suku Amerika Selatan yang meliputi dirinya dengan debu emas. Bandelier, A.F.A. (1893). *The Gilded Man, El Dorado and Other Pictures of the Spanish Occupancy of America*. New York: Appleton.

¹¹ John Silver. (1992). *The Myth of El Dorado* dlm *History Workshop Journal, Volume 34, Issue 1, 1 October 1992*. Oxford Academic. Hlm 1-16.





Petikan di atas menunjukkan bahawa *El-Dorado* ini dimiliki oleh seorang yang mempunyai kekayaan yang sangat tinggi sehingga membuatkan kawasan tanah yang dimilikinya itu hidup dalam keadaan yang kaya-raya. Jadi, gelaran ini digunakan oleh masyarakat di Sungai Lembing sekitar abad ke-19 dan sehingga kini kerana pada masa itu, *Pahang Consolidated Company Limited* ini banyak mengeluarkan hasil mineral sehingga membuatkan masyarakat tempatan hidup dalam keadaan yang mewah. Kenyataan berkaitan dengan pengeluaran hasil mineral yang banyak dapat dibuktikan lagi seperti di bawah kerana sumber galian turut menyumbang kepada sumber ekonomi di Tanah Melayu terutamanya di *Pahang Consolidated Company Limited*,



*"It is not possible to give the exact value of the two million tons of tin produced since 1900, but it was somewhere between £400,000,000 and £500,000,000, whereas the value of all the other minerals mined during the same period might have been as much as £50,000,000, not more. Clearly tin mining is the main mining industry of Malaya. Moreover, when tin mining is spoken of in this paper, except when lode mining is specifically referred to, mining by alluvial methods is implied, because by far the greater part of Malaya's tin production- more than 95 per cent. – is from loose deposits of sand and clay. Nevertheless, it is to be noted that one of the most important lode tin mines in the world, that operated by the Pahang Consolidated Company, Limited, is situated in Malaya."*¹²

¹² Willbourn, E.S. M.A., F.G.S. (1946). "The Relationship of the Geological Survey to the Mining Industry of Malaya" dlm *Bulletin of the Imperial Institute Vol. XLIV, No. 2.* Hlm. 128-148.





Pada abad ke-19 dan 20, Sungai Lembing adalah pekan kecil yang terkaya dalam daerah Kuantan disebabkan oleh pengeluaran bijih timah di Pahang.¹³ Menurut Fares Yahya Alshaebi, aktiviti perlombongan yang dijalankan selama 80 tahun telah menjadi semakin besar, panjang dan paling dalam di dunia ini.¹⁴ Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan petikan di bawah,

“...these mines were among the largest and deepest in the world. For 80 years of mining activities, it became the largest, longest and deepest underground tin mine in the world. The total tunnel length is 322 km with a depth ranging between 610 m and 700 m.”¹⁵

Kawasan Sungai Lembing diterokai oleh pihak British sebaik sahaja Sultan Ahmad bersetuju untuk membenarkan *Pahang Corporation Limited* ditubuhkan dengan cadangan sebuah syarikat bijih di London membuka syarikat di kawasan tersebut.¹⁶

Kawasan seluas 2,000 ekar persegi itu dipajakkan bagi tempoh 80 tahun dengan royalti sebanyak 10%.¹⁷ Hal ini dapat dibuktikan lagi petikan di bawah,

“This Concession, dated September 1, 1888, for 80 years, comprised some 2,000 square miles of largely unsurveyed land, and excluded the Sungei Triang area... The same royalty of 10 per cent was payable under the new Concession on tin and certain other minerals, but other

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Fares Yahya Alshaebi et. al. (2009). “Risk Assessment at Abandoned Tin Mine in Sungai Lembing, Pahang, Malaysia.” *The Electronic Journal of Geotechnical Engineering 14, Volume 14, Bund. D.* Hlm. 3.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.* Hlm. 2.

¹⁷ Pahang Consolidated Company. (1966). *A History of The Pahang Consolidated Company Limited 1906-1966.* London: Blomfield House, 85 London Wall. Hlm. 12.





rates were quoted for copper, lead, tapioca, coffee, pepper and gambier.”¹⁸

Menurut Wong Lin Ken pula, konsesi dari Syarikat Perlombongan di Pahang mendapat bayaran royalti 10% di atas keluaran mineral dan hasil yang diimport adalah sebanyak \$80. Perkara tersebut dapat dibuktikan lagi dengan petikan di bawah,

“...the concession of the Pahang Mining Company Ltd., all stipulated the payment of a royalty of 10% on the mineral output and a duty of \$80 per chest of opium imported into the concessions.”¹⁹



Melayu diletakkan di bawah pentadbiran sebuah syarikat bijih British iaitu *Pahang Corporation Limited* di Pahang.²⁰ Kemudian, pada tahun 1915 ia bertukar kepada *Pahang Consolidated Company Limited (PCCL)*. Aktiviti perlombongan ini telah memberi sumbangan yang besar kepada penduduk di Sungai Lembing khususnya dan memberi kemajuan kepada aktiviti perlombongan amnya.²¹

¹⁸ *Ibid.* hlm. 13.

¹⁹ Wong Lin Ken. (1965). *The Malayan Tin Industry to 1914*. Tucson: The University of Arizona Press. Hlm. 131.

²⁰ Willbourn, E.S. M.A., F.G.S. (1946). *Ibid.* Hlm. 135.

²¹ *Ibid.*





1.1 Penyataan Masalah

Pahang Consolidated Company Limited mendapat hak monopoli dalam kegiatan perlombongan di kawasan Pahang Barat. Kekayaan bijih timah berjaya menarik minat pihak luar iaitu orang Barat malah satu syarikat usaha sama antara beberapa buah syarikat serta pemerintah tempatan di Pahang Barat. Syarikat yang beroperasi pada peringkat awal di bawah pelaburan syarikat Cina yang merupakan perintis kepada *Pahang Consolidated Company Limited*. Kemudian syarikat ini dimiliki oleh pelabur British yang berminat mendapatkan *Pahang Consolidated Company Limited* dengan membeli saham konsesi perlombongan daripada pelabur Cina walaupun mempunyai modal yang rendah kerana melihat PCCL berpotensi memberi sumbangan kepada ekonomi perlombongan di Pahang. Syarikat ini mendapat keistimewaan Sultan Ahmad Muadzam Shah yang telah menganugerahkan konsesi tanah perlombongan kepada William Fraser untuk meningkatkan perniagaannya dalam sistem perlombongan.²² Hal ini dibuktikan lagi dengan petikan di bawah,

“Again through the instigation of William Fraser and because the Corporation proposed “to do business on a larger scale”, the Sultan Ahmad Muatham Shah of Pahang, granted a new Concession.”²³

²²Pahang Consolidated Company. (1966). *Ibid.* Hlm. 13.

²³ *Ibid.* Hlm. 13.





Penglibatan PCCL ini melibatkan arang batu, bijih besi, bijih hitam dan bijih timah sebagai medium bahan galian. PCCL juga menjadi industri yang berjaya meningkatkan hasil pengeluaran bijih timah sekaligus berjaya meningkatkan jumlah eksport bijih timah dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Disebabkan oleh simpanan timah yang berharga di Sungai Lembing ini, pihak British begitu menitikberatkan sehingga memberi perhatian utama terhadapnya. Sumbangan syarikat PCCL dalam meningkatkan penghasilan bijih timah dibantu daripada pelbagai aspek antaranya aspek teknologi iaitu teknik perlombongan mengorek terowong bawah tanah yang terpanjang di Sungai Lembing, kemasukan buruh luar dan peralatan melombong.

Tenaga buruh orang Cina memainkan peranan penting dalam industri

perlombongan sehingga beberapa pembangunan kawasan serta kemudahan infrastruktur disediakan oleh pihak British di kawasan perlombongan.²⁴ Melalui perkembangan teknologi perlombongan yang dibawa oleh *Pahang Consolidated Company Limited*, British berjaya mengeksplorasi kegiatan perlombongan sehingga membawa kepada perjumpaan bijih timah yang banyak di Sungai Lembing. Perkara ini juga telah menyebabkan PCCL diberi gelaran *El-Dorado Timur* yang diambil sempena perkataan dari Sepanyol yang membawa maksud “bersepuh emas”²⁵ kerana Sungai Lembing dikatakan memiliki kekayaan disebabkan oleh kegiatan perlombongan yang diusahakan.

Hal ini dibuktikan lagi dengan petikan di bawah,

²⁴ Sivachandralingam et. al. (2016). *Prosiding Persidangan Sejarah Sosioekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 150-151.

²⁵ Bandelier, A.F.A. (1893). *Ibid.*





“A Malaysian town that almost perfectly suits the above description of a ghost town is Sungai Lembing, Pahang. In its heyday, it had the largest subterranean mine in the world and was even dubbed the ‘El-Dorado of the East’.”²⁶

1.2 Objektif Kajian

Kajian yang dilakukan ini mempunyai beberapa objektif tertentu yang ingin dicapai.

- i. mengkaji latar belakang sejarah kawasan Pahang Barat.
- ii. mengkaji kegiatan perlombongan yang dijalankan di Pahang Barat sehingga tahun 1957.
- iii. menilai penglibatan *Pahang Consolidated Company Limited* terhadap kegiatan perlombongan di Sungai Lembing.
- iv. menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi oleh *Pahang Consolidated Company Limited* di Sungai Lembing terhadap kegiatan perlombongan.



1.3 Soalan Kajian

- i. Bagaimanakah latar belakang sejarah Pahang Barat?
- ii. Bagaimanakah kegiatan perlombongan yang dijalankan di Pahang Barat sehingga tahun 1957?
- iii. Sejauhmanakah *Pahang Consolidated Company Limited* memberikan penglibatan terhadap kegiatan perlombongan di Sungai Lembing?

²⁶ Chye Onn Teck. (2010). *Discovery Destinations and the Allocentric Traveller in Malaysia* dlm “Prosiding Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Hlm. 361.





- iv. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh *Pahang Consolidated Company Limited* di Pahang Barat dalam kegiatan perlombongan?

1.4 Skop Kajian

Secara umumnya, skop kajian bermula pada tahun 1886 sehingga tahun 1957. Sepanjang tempoh tersebut, aktiviti perlombongan merupakan aktiviti utama yang dijalankan oleh pihak syarikat. Tahun 1886 dipilih sebagai fokus kajian kerana pada tahun 1886, konsesi tanah perlombongan ini mula dibeli oleh golongan kapitalis London yang ingin membuka sebuah syarikat perlombongan Pahang sehingga kepada kemajuan dan perkembangan *Pahang Consolidated Company Limited* sehingga tahun 1957. Skop kajian juga meneliti aspek kelengkapan dan alat perlombongan yang digunakan oleh *Pahang Consolidated Company Limited* dalam aktiviti perlombongan yang menyebabkan perlunya kajian dijalankan tentang kemantapan sesebuah syarikat sekiranya pihak syarikat terpaksa bersaing dan menghadapi konflik-konflik tertentu.

Di samping itu, kawasan kajian yang ditumpukan juga terhadap Pahang Barat termasuklah kegiatan perlombongan emas di Syarikat Lombong Emas Australia Raub dan Syarikat Lombong Emas Selinsing turut memberikan sumbangan kepada ekonomi di Pahang Barat sekitar tahun 1886 sehingga 1957. Kedua-dua syarikat ini juga dikelola oleh pengusaha dari Barat yang turut membangunkan syarikat di Pahang untuk kegiatan perlombongan sama seperti di *Pahang Consolidated Company Limited*.





1.5 Metodologi Kajian

Penyelidikan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang menekankan analisis dokumen dan manuskrip. Dokumen-dokumen yang digunakan didapati di Arkib Negara Malaysia seperti *Annual Report*, *Straits Settlement*, *Federated Malay States* dan MINES. Selain itu juga kajian dilakukan di perpustakaan untuk dapatkan sumber sekunder yang dapat membantu kajian yang dilakukan sebagai contohnya diperolehi di Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang (PSMCP) dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Sumber sekunder yang digunakan dalam penyelidikan ini berupa buku,

penerbitan rasmi, jurnal dan penulisan lain yang diterbitkan seperti surat khabar, majalah dan penerbitan lain yang berkaitan. Sumber sekunder ini turut membantu penyelidik dalam mendapatkan pandangan penulis sebelumnya bagi melengkapi penyelidikan selain daripada mengenal pasti kajian tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam *Pahang Consolidated Company* dari tahun 1886 sehingga tahun 1957. Sumber sekunder ini digunakan untuk mendapatkan pelbagai pandangan tentang corak hubungan serta membantu penulis dalam mendapatkan pandangan menyeluruh tentang kajian yang pernah dilakukan, sumber yang digunakan, bentuk analisis dan bentuk penulisan yang digunakan dalam menghasilkan penulisan tersebut.





Langkah seterusnya dalam menghasilkan penulisan sejarah adalah dengan membuat tafsiran ke atas fakta yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder. Fakta yang diperolehi perlu ditafsirkan bagi menyokong hujah pengkaji dalam membuktikan kajian mereka. Dalam penulisan laporan ini, fakta berkaitan dengan pemilikan tanah yang diberikan oleh British untuk menubuhkan syarikat ini akan diselidiki oleh pengkaji. Tafsiran yang berasaskan fakta diharap dapat menjelaskan lagi perbincangan untuk menjawab persoalan yang dikaji.

Laporan kajian ini dianalisis secara deskriptif yang melibatkan penerangan yang lebih terperinci. Kaedah ini membantu untuk menyingkap, memaparkan atau mendedahkan sesuatu perkara agar lebih mudah untuk difahami.²⁷ Kaedah penulisan deskriptif adalah penting bagi membantu pengkaji menyampaikan hasil kajian yang dijalankan supaya nampak lebih jelas dan ilmiah. Penggunaan kaedah penulisan deskriptif adalah untuk menghuraikan maklumat dengan menggunakan pendekatan tematik. Pendekatan tematik dapat dilihat apabila pengkaji membuat huraian mengikut tema yang sesuai berlandaskan kepada isu-isu penting berpandukan objektif utama kajian.

²⁷ Bilcher Bala. (2000). *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 112.



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi maklumat sebenar berkaitan dengan perkembangan penubuhan *Pahang Consolidated Company Limited* dari tahun 1886 sehingga tahun 1957. Kajian ini dibuat memperoleh maklumat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam *Pahang Consolidated Company Limited* yang memberikan kesan terhadap ekonomi di Pahang. Di samping itu, kajian ini meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang *Pahang Consolidated Company Limited* yang bermula di bawah pentadbiran kolonial British. Masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat di Pahang sendiri perlu mengetahui sejarah penubuhan syarikat ini yang pernah menjadi sebuah syarikat yang unggul apabila syarikat ini berjaya menyumbang kepada pendapatan ekonomi dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu sekaligus berjaya meningkatkan pendapatan British.

Kajian berkenaan *Pahang Consolidated Company Limited* mempunyai banyak peristiwa bersejarah yang berlaku sepanjang penubuhan syarikat ini. Peristiwa sejarah yang dimaksudkan adalah seperti permulaan penubuhan *Pahang Consolidated Company Limited*. Sejarah penggunaan teknologi perlombongan bijih timah dan sejarah sumbangan syarikat Pahang Barat terhadap pembangunan ekonomi di Sungai Lembing. Di samping itu, kajian ini memperkenalkan kepada masyarakat umum tentang kewujudan *Pahang Consolidated Company Limited*. Kebanyakan masyarakat tidak mengetahui tentang kewujudan atau perkembangan syarikat besar di Sungai Lembing ini. Oleh itu, sememangnya kajian ini dijalankan agar masyarakat di Pahang sendiri mengetahui tentang sejarah syarikat perlombongan *Pahang Consolidated Company Limited* yang pernah menyumbang sumber ekonomi di Tanah Melayu. Selain itu, tujuan

kajian dijalankan adalah untuk mengkaji semula tujuan syarikat terhadap tindakannya dalam operasi perniagaan dalam sektor perlombongan. Keberkesanannya dikaji dan diteliti sama ada perubahan tersebut benar-benar membantu perkembangan syarikat mahupun tidak.

1.7 Sorotan Kajian Lepas

Penulisan kajian Yip Yat Hoong dalam *The Development of the Tin Mining Industry in Malaya*²⁸, melaporkan tentang perlombongan yang diusahakan di Sungai Lembing sejak abad ke-19 beliau menulis tentang usaha perlombongan bijih timah pada era kolonial British bermula pada penubuhan Negeri-negeri Selat (NNS) sehingga berlakunya perjanjian Pangkor yang telah memberi kesan yang buruk kepada negeri-negeri di Tanah Melayu, menyaksikan kemaraan dan penguasaan British terhadap sumber ekonomi Negeri-negeri Melayu (NNM). Beliau menyatakan bahawa permulaan perkembangan ekonomi di Tanah Melayu adalah bergantung kepada perkembangan industri perlombongan bijih timah.²⁹ Hal ini terbukti apabila pada tahun 1904, Tanah Melayu menjadi pengeluar hasil bijih timah terbesar di dunia sebanyak 52,600 tan.³⁰ Pada abad ke-19, dua perkembangan signifikan mengundang transformasi terhadap NNM sebagai pengeluar bijih timah utama di peringkat dunia.

²⁸Yip Yat Hoong. (1969). *The Development of the Tin Mining Industry in Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

²⁹ *Ibid*. Hlm. 110.

³⁰ Charles Harvey & Jon Press. (ed). (1990). *International competition and industrial change: essays in the history of mining and metallurgy*. United Kingdom: Taylor Francis Ltd. Hlm. 33.



Yip Yat Hoong menjelaskan tentang permulaan era penguasaan British dengan kemaraan besar-besaran ke semua negeri yang berpotensi mengeluarkan hasil galian bijih timah khususnya Perak, Pahang dan Selangor. Yip Yat Hoong turut menulis tentang kesan pembangunan ekoran perkembangan bijih timah di NNM. Beliau menulis tentang pembayaran cukai, upah dan keuntungan yang dimiliki hasil daripada galian bijih timah. Secara keseluruhannya, penulisan kajian ini membincangkan tentang aktiviti perlombongan bijih timah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Penulisan Yip Yat Hoong dilihat mempunyai fakta-fakta yang kukuh dan disebabkan itu ramai pengkaji yang lain turut menggunakan penulisan beliau sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat tertentu tentang perlombongan bijih timah.



untuk mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan dengan *Pahang Consolidated Company Limited* walaupun secara keseluruhannya Yip Yat Hoong hanya menyentuh berkaitan dengan aktiviti perlombongan bijih timah di NNMB. Penyelidik pula membuat kajian berkaitan dengan sebuah syarikat perlombongan yang diambil oleh pihak British bagi memajukan kegiatan perlombongan di Sungai Lembing. Berkaitan dengan sumber yang digunakan, Yip Yat Hoong banyak menggunakan dokumen asli seperti *Federated Malay States, Annual Report, Straits Settlements* dan *United States Congress-House* berkaitan dengan perlombongan yang diusahakan oleh pihak British di Tanah Melayu.





Penulisan kajian berikutnya ialah *The Malayan Tin Industry to 1914, with Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang* oleh Wong Lin Ken.³¹ Wong Lin Ken menulis tentang era penguasaan orang Cina dan Barat terhadap bijih timah. Dalam bab satu, penulisan ini menerangkan tentang kaedah perlombongan yang digunakan oleh pelombong Melayu dan Cina. Walaupun orang Melayu tidak terlibat secara serius dalam aktiviti perlombongan bijih timah seperti orang Cina, namun kaedah yang digunakan mempunyai signifikannya tersendiri atau cara dan kemampuannya yang tersendiri kerana orang Melayu hanya menggunakan kaedah mendulang dan melampan meskipun bangsa lain terus berada dalam kemajuan yang semakin berkembang dalam penggunaan alatan untuk melombong bijih timah. Kaedah mendulang dan melampan yang digunakan oleh orang Melayu pada abad ke-19 adalah kerana mereka hanya mendapatkan bijih timah sekadar untuk memenuhi keperluan sehari-hari mereka dalam kehidupan. Dalam bab dua pula menerangkan berkaitan dengan perubahan yang berlaku dalam industri perlombongan pada tahun 1874 sehingga tahun 1895.

Kemudian dalam bab tiga menerangkan tentang penguasaan Barat dalam kegiatan perlombongan di Tanah Melayu pada tahun 1874-1895. Dalam bab kajian Wong Lin Ken turut menerangkan berkaitan dengan polisi syarikat yang digunakan oleh British. Seterusnya, bab empat pula menceritakan perubahan yang berlaku dalam perkembangan operasi perlombongan pada tahun 1896-1914. Berdasarkan buku Wong

³¹ Wong Lin Ken. (1965). *Ibid.*





Lin Ken ini menekankan tentang kegiatan perlombongan yang berlaku di Tanah Melayu merangkumi kaedah perlombongan yang digunakan oleh pihak British dan memberi fokus dalam tahun 1874 sehingga tahun 1914. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik kerana kajian yang dilakukan adalah memberi fokus tentang kegiatan perlombongan di Syarikat Pahang Bersatu Berhad, namun dalam penulisan Wong Lin Ken menyentuh kegiatan perlombongan yang berlaku di Tanah Melayu yang merangkumi semua Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sumber yang digunakan oleh Wong Lin Ken adalah dokumen berupa *Annual Report, Straits Settlements* dan *Federated Malay States* dan dokumen yang digunakan adalah dokumen yang sah, justeru, penulisan yang dibuat oleh Wong Lin Ken dapat disahkan lagi melalui dokumen tersebut.



Selain itu, Ooi Jin Bee juga merupakan salah seorang penulis yang turut mengkaji tentang perlombongan sumber mineral di Tanah Melayu sebagai contohnya perlombongan bijih besi di Terengganu. Menurut beliau, penjajahan British di Tanah Melayu pada tahun 1874 telah memberi peluang kepada pembukaan lombong-lombong bijih timah di kawasan pedalaman secara besar-besaran.³² Perkara tersebut dapat dilihat apabila pihak British memberi perhatian terhadap usaha memperlengkapkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dengan sistem kereta api. Penulisan yang dihasilkan ini selari dengan kenyataan yang dibuat oleh Frank Swettenham iaitu,

³² Ooi Jin Bee. (1968). *Bumi, penduduk dan ekonomi di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 378-379.



“...Kemajuan Tanah Melayu umumnya adalah kuat bergantung kepada penyediaan pengangkutan dan perhubungan yang cepat dan berkesan, sekurang-kurangnya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Beliau menekankan lagi, semakin cepat dibina jalan-jalan kereta api, maka lebih cepat lagi kadar kemajuan akan dapat dicapai. Ini adalah bersandarkan kepada keyakinannya bahawa kemajuan hasil bijih timah dan getah dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan Negeri-negeri Melayu Bersekutu...”³³

Berdasarkan penulisan Ooi Jin Bee, beliau lebih menekankan kepada aspek infrastruktur dan sistem kemudahan untuk membawa bekalan hasil perlombongan. Seterusnya, beliau menekankan aspek perubahan yang dibawa oleh pihak British dalam kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan dalam aktiviti perlombongan. Penulisan beliau memberi rujukan kepada penyelidik untuk pembahagian bab 4 iaitu berkaitan dengan sumbangan yang dibawa oleh British ke atas Sungai Lembing dalam aktiviti perlombongan di PCCL. Kajian Jin Bee berkaitan dengan perlombongan bijih besi di Terengganu, pengkaji dapat melihat kajian yang dilakukan secara mendalam melalui kajian yang dibuat oleh Ghazali Taib iaitu Sejarah Perlombongan Daerah Dungun. 1910 – 1971.³⁴

Ghazali Taib dalam penulisannya menyentuh juga berkaitan dengan syarikat perlombongan iaitu *Eastern Mining and Metal Berhad Company* (EMMCO) yang dibangunkan di Bukit Besi, Dungun. Kajian yang dibuat oleh Ghazali memberikan

³³ Swettenham, Frank. A. 1895. *Malay Sketches*. Lihat juga Tan Kwong Loong. (1954). *Economic effects of railway development in Malaya*. Singapore: University of Malaya. Hlm. 1.

³⁴ Ghazali Taib. (2004). *Sejarah Perlombongan Daerah Dungun 1910 – 1971*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.



inspirasi kepada pengkaji kerana beliau turut mengkaji berkaitan dengan syarikat perlombongan yang diusahakan oleh pihak British. Kajian yang dibuat oleh Ghazali Taib bertujuan untuk melihat sejarah awal perlombongan di daerah Dungun dari awal tahun 1910 sehingga 1971. Beliau memberi penekanan kepada aktiviti perlombongan, kaedah dan kesan kewujudannya. Dalam bab yang pertama, Ghazali Taib memperkenalkan sejarah awal Dungun dan kawasan-kawasan perlombongan. Bab ini juga Ghazali Taib menerangkan secara terperinci tentang keadaan awal kawasan kajian iaitu kawasan Paka, Bukit Lentor, Bukit Besi dan Pasir Raja yang berkait rapat dengan perlombongan bijih timah dan wolfram. Dalam bab kedua memperlihatkan perlombongan di Terengganu terutamanya di kawasan Kemaman yang berkait rapat dengan daerah Dungun, menceritakan tentang peranan yang dimainkan oleh Sultan Zainal Abidin III yang memberikan galakan dalam penerokaan sektor perlombongan.



Bab yang ketiga, Ghazali Taib menceritakan secara khusus tentang perlombongan di daerah Dungun, cara pembukaan lombong besi di kawasan Bukit Besi dan menjelaskan tentang penglibatan *Nippon Mining Company Ltd* (NMC) dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak NMC dalam perlombongan bijih besi. Bab yang keempat adalah tentang penglibatan syarikat British iaitu *Eastern Mining and Metal Company* (EMMCO). Syarikat ini memperlihatkan kecekapan dalam pentadbirannya dan penggunaan kaedah yang lebih moden dalam perlombongan besi. Bab kelima, penulis menceritakan tentang kemerosotan, penutupan dan kesan perlombongan di daerah Dungun serta faktor-faktor yang membawa kepada penutupan lombong





khususnya lombong besi. Bab keenam merupakan bab yang terakhir dan penulis menyimpulkan perbincangan daripada bab-bab yang di atas.

Sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh Ghazali Taib adalah berpandukan kepada sumber primer yang terdiri daripada *Annual Report Terengganu*, Temuramah daripada penduduk di Dungun, *Fail EMMCO*, *Fail Pejabat Kastam dan Eksais Diraja* dan *Annual Report for the Federation of Malaya 1950*. Bahan-bahan rujukan ini juga dapat mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan oleh Ghazali Taib tentang sejarah perlombongan di daerah Dungun. Di samping itu, Ghazali Taib juga menggunakan sumber kedua seperti penulisan kajian yang dibuat oleh Ooi Jin Bee dalam *Bumi, penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu* sebagai rujukan dalam kajian yang dilaksanakan ini.



Seterusnya, dalam penulisan Nor Hisham Zulkiflee, dalam *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah di Perak, 1874-1940*³⁵, mengkaji tentang perkembangan bandar dan pekan perlombongan bijih timah di Perak. Persamaan kajian yang dibuat oleh Hisham Zulkiflee dengan pengkaji adalah berkaitan dengan perlombongan bijih timah dan perkembangan yang dibawa oleh British terhadap bandar di Perak dalam industri perlombongan. Secara keseluruhannya, penulisan Hisham Zulkiflee menekankan kepada perkembangan bandar dan pekan bijih timah yang mempengaruhi

³⁵ Hisham Zulkiflee. (2016). *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah di Perak, 1874-1940*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. (Tidak diterbitkan)





persekitaran ekonomi pada masa penjajahan kolonial British di Perak. Namun, penulisan yang dibuat oleh penyelidik berbeza kerana penyelidik lebih memfokuskan kepada perkembangan kegiatan perlombongan yang dijalankan di *Pahang Consolidated Company Limited* yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu khususnya kepada Sungai Lembing.

1.8 Definisi Istilah

Kegiatan perlombongan di Sungai Lembing 1886 sehingga tahun 1957 memfokuskan kepada perusahaan perlombongan yang dijalankan oleh *Pahang Consolidated Company Limited* untuk memajukan bidang ekonomi di Pahang. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada aktiviti perlombongan. Perlombongan adalah satu kegiatan ekonomi yang giat dijalankan pada abad ke-19 sehingga abad ke-20. Sebelum kemasukan British ke Tanah Melayu, masyarakat tempatan mengumpul hasil perlombongan sekadar untuk memenuhi keperluan sara hidup mereka dan kaedah melombong yang digunakan juga agak terkebelakang kerana mereka masih menggunakan cangkul dan dulang. Jadi, melalui kajian terhadap syarikat perusahaan perlombongan ini, pengkaji mendapatkan maklumat berkenaan dengan kemajuan yang dikehendaki oleh Sungai Lembing sehingga membawa kepada perubahan kepada taraf hidup masyarakat.





Di samping itu, Sungai Lembing yang kaya dengan sumber mineral bijih timah diterokai oleh pengkaji untuk melihat sama ada terdapat sumber galian yang lain seperti emas dan berlian di syarikat ini. Seterusnya, melalui penubuhan syarikat ini juga terdapat pelbagai prosedur yang perlu dihadapi oleh bangsa luar untuk mendapatkan konsesi tanah daripada Sultan Ahmad. Berdasarkan cabaran yang dihadapi ini yang dikupas oleh pengkaji melalui kajian ini.

1.9 Pembahagian Bab

Dalam usaha membuat penyelidikan terhadap tajuk ini, pengkaji telah membahagikan perbincangan ini kepada enam bab. Pada bab yang pertama, pengkaji membuat perbincangan tentang cadangan penyelidikan iaitu lebih memfokuskan kepada pengenalan kajian. Pengkaji menjelaskan permasalahan kajian yang dihadapi seperti hak monopoli dalam kegiatan perlombongan di kawasan barat daya Kuantan dan pemilikan konsesi tanah perlombongan yang diperoleh daripada Sultan Ahmad Muadzam Shah untuk menubuhkan sebuah syarikat perlombongan di Sungai Lembing. Pengkaji juga memaparkan objektif kajian dan turut menjelaskan sejarah awal penubuhan syarikat *Pahang Consolidated Company Limited*.

Bab kedua membincangkan tentang sejarah awal perlombongan negeri Pahang yang terletak di kawasan Pahang Barat. Kajian memulakan dengan sejarah perlombongan yang terkenal seperti di Kuala Lipis dan Raub, seterusnya semasa





campur tangan British di Pahang. Dalam bab ini juga kita akan temui sejarah awal perlombongan di Pahang.

Bab ketiga pula membincangkan tentang kegiatan perlombongan di Pahang Barat sehingga tahun 1957. Dalam bab ini, fokus utama diberikan kepada syarikat-syarikat perlombongan yang dijalankan di Raub dan Selinsing kerana kedua-dua tempat ini menyumbang kepada ekonomi perlombongan awal di Pahang.

Bab keempat pula pengkaji meneliti dengan lebih lanjut mengenai penglibatan *Pahang Consolidated Company Limited* terhadap kegiatan perlombongan di Sungai Lembing. Dalam bab ini, pengkaji mengkaji lebih lanjut mengenai aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam syarikat ini bagi meningkatkan kemajuan di Pahang bermula dari tahun 1886 sehingga tahun 1957. Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji menekankan tentang sumbangan penubuhan *Pahang Consolidated Company Limited 1886 -1957* kepada masyarakat setempat sama ada dari segi kemajuan ekonomi bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka di sana. Pengkaji membuat penelitian kepada kaedah perlombongan dan pentadbiran PCCL.

Bab kelima pula berkaitan dengan isu dan cabaran yang dihadapi oleh syarikat ini untuk berhadapan dengan pelbagai masalah yang datang ketika membangunkan syarikat ini iaitu yang melibatkan soal-soal kemerosotan, peningkatan dan kemajuan





yang dikecapi oleh syarikat ini. Dalam bab ini juga terdapat satu analisis sejarah dari sudut nilai warisan sektor perlombongan pada generasi yang akan datang.

Akhir sekali iaitu bab keenam, pengkaji merumuskan tentang penubuhan *Pahang Consolidated Company Limited* secara keseluruhan kajian yang meliputi aspek yang berkaitan dengan perlombongan di Sungai Lembing baik secara langsung maupun tidak langsung.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam kajian tentang *Pahang Consolidated Company* ini mampu untuk mencari tahu tentang pembangunan syarikat perlombongan di Pahang dan pelaksanaannya untuk mencapai kemajuan di Pahang. Data tentang aktiviti-aktiviti perlombongan dianalisis untuk melihat perkembangan corak ekonomi yang diusahakan oleh masyarakat tempatan selaku buruh di syarikat perlombongan ini. Sejak tertubuhnya *Pahang Consolidated Company* ini, Sungai Lembing lebih dikenali disebabkan oleh kemajuan dalam sektor perlombongan yang kaya dengan sumber mineral. Namun begitu, disebabkan harga bijih yang jatuh merudum, syarikat perlombongan ini terpaksa ditutup dan menghentikan kegiatan perlombongan bijih timah pada September 1957.





Data tentang kemajuan kegiatan perlombongan di syarikat ini telah memberi kesan yang banyak kepada taraf kehidupan masyarakat tempatan setelah syarikat perlombongan ini ditutup. Setelah syarikat perlombongan ditutup, masyarakat tempatan terpaksa mencari peluang pekerjaan yang lain bagi meneruskan kehidupan kerana sebelum ekonomi perlombongan jatuh merudum mereka hanya menumpukan kepada kegiatan perlombongan sahaja sebagai kegiatan ekonomi yang utama dalam kehidupan mereka. Apabila ekonomi perlombongan tidak lagi menjadi satu pekerjaan utama untuk masyarakat di Sungai Lembing, ramai masyarakat tempatan yang keluar dari Sungai Lembing untuk mencari peluang pekerjaan yang lain. Sejarah perkembangan penubuhan syarikat perlombongan ini dikupas oleh pengkaji melalui kajian ini.

